

# Klip Mobile bantu USIM dekati pesakit



Prof Muhammad Taufik (berdiri) bertanya sesuatu kepada seorang pesakit warga emas.

**Seremban:** Klinik pakar bergerak atau Klip Mobile Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mula menawarkan perkhidmatannya kepada masyarakat setempat dengan memilih Perumahan Rakyat Panchor, Ampangan sebagai lokasi pertama.

Seramai 27 pesakit yang majoritinya terdiri daripada warga emas terpilih menjalani rawatan mata dalam program sehari itu selepas melepasi proses saringan oleh Klinik Pakar USIM di klinik berhampiran.

Koordinator Klinikal USIM, Prof Dr Muhammad Taufik Mohd Noor, berkata klinik berkenaan menyediakan rawatan bagi masalah mata seperti katarak dan selaput yang memerlukan pemantauan dan rawatan susulan.

"Kewujudan Klip Mobile diharap mampu melancarkan proses rawatan mata khususnya membabitkan warga emas kerana

mereka tidak perlu mengambil masa lama untuk berurusan dengan pihak hospital.

## Rawatan terbaik

"Pesakit turut berpeluang memperoleh rawatan terbaik dan terkini daripada kumpulan pakar USIM," katanya.

Tenaga pakar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) USIM yang terbabit pada perkhidmatan sulung berkenaan adalah Dr Azlina Mokhtar dan Dr Norlelawati Zainol selain beberapa pegawai teknikal, jururawat dan juruteknologi makmal.

Pada hari sama, Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan turut menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma, antaranya pemeriksaan berat badan, ujian darah, ujian mata dan mendapatkan khidmat konsultasi daripada pegawai perubatan.